

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

OKTOBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

FAZILA BINTI MOHD SAID

bertajuk

**CADANGAN REKABENTUK BARU KAFE WONDERMILK DI
LOT 13 , JALAN SOLARIS , SOHO KL , SOLARIS MONT KIARA, MONT KIARA, 50480 W. PERSEKUTUAN**

diterima sebagai sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan : _____ En. Anwarul Munazil Bin Ahmad Puaad
Koordinator Kursus : _____ En. Muhammad Suhaimi Bin Musa
Koordinator Program : _____ PM. Dr. Mohd Sabrizaa Bin Abd.Rashid

ABSTRAK

Pembentukan sesebuah rekabentuk adalah berdasarkan apa yang dilihat, dikaji dan penelitian yang tajam bagi menghasilkan rekabentuk yang berjaya. Ia harus dilihat dari pelbagai aspek luaran atau dalaman. Projek akhir Rekabentuk Dalaman di peringkat Diploma ini adalah merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek projek rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat paling asas hingga ke peringkat persembahan cadangan reka bentuk. Projek yang telah dipilih bagi projek akhir ini ialah cadangan reka bentuk kafe untuk +Wondermilk (M) Sdn. Bhd di Lot 13, Jalan Solaris, Soho KL, Mont Kiara 50480 Wilayah Persekutuan. Tujuan utama projek ini adalah merekabentuk dan merancang ruang dengan lebih sistematik dan berfungsi serta dapat memenuhi kehendak dan keselesaan pelanggan. Dengan terhasilnya ruang makan yang baru bagi Wondermilk, adalah diharapkan bahawa ia dapat menaik tarafkan lagi imej Wondermilk dan memperkembangkan lagi perniagaan mereka. Tema dan konsep juga diaplikasikan dalam kedua-dua ruang '*exterior & interior*' untuk menonjolkan lagi nilai estetika dan juga nilai prestij ruang pameran tersebut. Maklumat tentang tapak cadangan juga diambil sebagai panduan sebelum merekabentuk. Contohnya gambar-gambar, struktur bangunan, kapasiti dan keluasan keseluruhan tapak. Tapak cadangan bangunan yang diperkukuhkan dengan '*framed-structure*' di mana sistem pembinaan yang digunakan pada kebanyakan bangunan masa kini. Konsep dan imej yang dicadangkan dijangkakan mampu memberi satu kesan yang baik dan juga boleh menjadi salah satu tarikan utama pada pelanggan dan orang ramai yang datang. Beberapa penyelidikan telah dijalankan bagi menjayakan projek akhir ruang pameran ini, antaranya termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian, kajian kes dan kajian soal selidik. Kesemua kajian-kajian tersebut adalah bertujuan mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang ada dan juga cuba untuk mengatasi beberapa masalah yang timbul. Kajian-kajian yang telah dijalankan ini akan diterapkan di dalam proses reka bentuk, dengan tujuan mendapatkan satu reka bentuk yang menarik dan sesuai dengan imej untuk Wondermilk samada dari segi fungsi dan nilai estetikanya. Konsep yang saya terapkan di sini adalah penyatu paduan antara grafik dan '*glamour*' untuk mendapatkan satu imej yang baru, yang sesuai dan dapat mampu menonjolkan imej yang sesuai dengan imej Wondermilk itu sendiri.

Abstrak	
Penghargaan	
Isi Kandungan	
Senarai Jadual	
Senarai Rajah	
Senarai Lampiran	
Senarai Singkat Kata	

i
ii
iii - vi
viii
ix - xiv
xv
xvi

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB	1.0	PENDAHULUAN	
	1.1	PENGENALAN	1
	1.2	MATLAMAT KAJIAN	3
	1.3	OBJEKTIF KAJIAN	3
	1.4	METADOLOGI KAJIAN	4
	1.5	SKOP KAJIAN	9
	1.6	HALANGAN KAJIAN	10
	1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	11
BAB	2.0	KLIEN	
	2.1	LATARBELAKANG	16
	2.2	CARTA ORGANISASI	18
	2.3	VISI DAN MISI KLIEN	19
	2.4	IMEJ KORPORAT KLIEN	20

BAB	3.0	KAJIAN DAN ANALISA	MUKA SURAT
	3.1	ANALISA TAPAK	
		3.1.1 Latarbelakang Tapak	28
		3.1.2 Lokasi	30
		3.1.3 Pelan lokasi	31
		3.1.4 Pelan Tapak	32
		3.1.5 Kemudahan Persekitaran Tapak Projek	34
		3.1.6 Kemudahan Meletak Kenderaan	34
		3.1.7 Kemudahan Jalan Raya dan Lalulintas	36
	3.2	ANALISA BANGUNAN SEDIADA	
		3.2.1 Latarbelakang Pemilihan Bangunan	40
		3.2.2 Pelan Tapak Bangunan	41
		3.2.3 Struktur Bangunan	43
		3.2.4 Jenis Bahan Binaan Dan Kemasan Bangunan	46
		3.2.5 Sistem Mekanikal Dan Elektrikal Bangunan	49
		3.2.6 Kemudahan Dalam Bangunan	52
	3.3	RINGKASAN PENEMUAN	
		3.3.1 Analisa tapak	53
		3.3.2 Analisa Bangunan	54
	3.4	RUMUSAN	55

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Laporan ini adalah merupakan catitan hasil kajian dan pengumpulan data bagi membantu dalam proses cadangan merekabentuk projek akhir iaitu kafe Wondermilk. Pelajar dikehendaki menyediakan satu skim rekabentuk yang komprehensif berdasarkan isu kajian, skop kehendak klien dan pemerhatian yang sensitif terhadap sesuatu isu ataupun permasalahan seni reka yang wujud di dalam proses merekabentuk kafe Wondermilk.

Projek ini adalah untuk memberikan satu skim rekabentuk yang baru bagi kafe Wondermilk disamping memberikan suasana yang praktikal dan selesa kepada pelanggan serta servis yang berkualiti. Pemilihan projek ini adalah untuk mengetengahkan rekabentuk dan konsep baru bagi sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh bumiputera iaitu Wondermilk (m) Sdn Bhd.

Perkataan kafe makanan sememangnya tidak asing lagi bagi kita semua tidak mengira peringkat umur. Tidak salah rasanya kalau mengatakan bahawa kafe menjadi pilihan utama kebanyakan orang apabila ingin menukar selera di luar.

Perkembangan kafe yang berkonsepkan restoran informal yang menjual makanan seperti sandwic dan makanan berat yang sedia ada di Malaysia kini amat memberangsangkan dan menguntungkan sejajar dengan keadaan ekonomi semasa dan penambahan bilangan komuniti rakyat tempatan. Jadi tidak hairanlah jika kita dapati kafe terdapat di mana-mana sahaja dengan begitu banyak sekali bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Ia boleh wujud di mana-mana saja seumpamanya di tepi jalan, rumah kedai, di dalam pusat membeli belah, stesen pengangkutan awam, di atas jejantas dan sebagainya. Semestinya setiap kafe mempunyai resipi dan menu yang tersendiri. Terpulanglah kepada kita untuk mencuba di mana sahaja.